

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 17 MAC 2020

MUKA SURAT: 16



Lebih 12 jam padam kebakaran

Anggota bomba dan penyelamat bertungkus-lumus memadam kebakaran di Kompleks Bersepadu Pengerang, malam kelmarin. (Foto Ihsan Bomba)



Lebih 12 jam padam kebakaran di Kompleks Bersepadu Pengerang

By Mohamed Farid Noh
Omar Ahmad
news@bh.com.my

Johor Bahru: Lima rentung manakala dua lagi parah dalam kebakaran dan letupan Unit Diesel Hydro Treating (DHT) di Kompleks Bersepadu Pengerang, Kota

Tinggi, malam kelmarin. Dalam kejadian jam 10.50 malam, empat mangsa yang maut dan ditemui malam kelmarin adalah Faidhi Akmal Fadzil, 27, Azarul Ashraf Nor Akmal Zolkarnain, 28, Norfazy Md Nor, 32, dan Che Huzaydy Che Harun, 26. Jenazah mangsa kelima, Hadi Syafiq

Jamil, 28, yang dilaporkan hilang sebelum itu ditemui bomba jam 12.42 tengah hari semalam.

Seorang lagi mangsa, dikenali sebagai Arnado Alexander, 28, parah apabila melecir 70 peratus, manakala Mohd Saiful Amat, 29, pula yang dapat menyelamatkan diri dilaporkan melecir 40 peratus.

Komander Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pauzan Ahmad, berkata mangsa yang parah dikejarkan ke

Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru untuk rawatan susulan manakala mayat mangsa yang rentung dihantar ke Hospital Kota Tinggi.

Ada tujuh mangsa dalam kejadian itu, lima rentung yang dikeluarkan anggota JBPM, seorang melecir 70 peratus dikeluarkan Pasukan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Team) dan seorang mangsa dapat menyelamatkan diri.

Letupan dan kebakaran memabitkan DHT yang menjalankan kerja membuang sulfur dari diesel mentah dengan menggunakan gas hidrogen.

Pauzan berkata, operasi memadam kebakaran mengambil masa lebih 12 jam kerana api yang marak menjulang tinggi menyukarkan keadaan untuk mengawal kebakaran.

Katanya, operasi itu memabitkan 107 pegawai dan anggota dari enam Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) serta dibantu Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT).

"Tiada anggota dan pegawai yang cedera dalam operasi terbabit apabila kita meminimumkan bilangan anggota masuk mencari dan menyelamatkan mangsa kerana kawasan terbabit berisiko.

"Kebocoran berlaku pada ketinggian 15 kaki, kita tidak boleh nak hampir dan padam kerana kebakaran berada di bawah kita boleh menggunakan busa," katanya.

Mayat pertama dijumpai jam 3.56 pagi, manakala dua lagi mayat dijumpai empat minit kemudian dengan semuanya dalam keadaan rentung.

Mayat keempat dijumpai di aras

Beliau berkata, Pusat Gerakan Operasi Negeri Johor menerima panggilan kecemasan kebakaran Diesel Hydro Treater Unit menerusi talian terus ke balai pada jam 11.18 malam kelmarin.

"Sebanyak dua jentera FRT, satu jentera LFRT, satu jentera EMRS satu jentera Water Tanker, satu jentera Foam Tender, satu jentera ALP, satu lori Hicom 5 Tan dan satu Lori Isuzu 3 Tan, dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Rengit dibantu BBP Sebana Cove, BBP Penawar, BBP Pasir Gudang dan BBP Larkin dengan kekuatan seramai sembilan pegawai dan 33 anggota dihantar ke tempat kejadian.

"Turut membantu adalah Central Emergency dan Fire Services (CEFS) Pengerang seramai 37 anggota dengan lapan jentera, Emergency Response Team (ERT) Pengerang seramai empat anggota dan Central Medical Facility (CMF) Pengerang seramai 13 anggota," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, R Vidyantathan, berkata operasi unit DHT di kompleks itu digantung buat sementara waktu sehingga siasatan berhubung kebakaran dan letupan di kawasan itu selesai dibuat oleh pihak berkuasa.

Arahan penutupan itu katanya, dikeluarkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) bagi memudahkan pihak berkaitan menjalankan siasatan.

"Fokus kini adalah pada aspek keselamatan bagi memastikan kawasan sekitar selamat khususnya

BUMI-LOT RUMAH TERES 3 TINGKAT UNTUK DIJUAL ATAS TAMAN BYL GARUI (LOT 2924), BANDAR MAHARANI, DAERAH MUAR, JOHOR.

*BUMI-LOT
DISKAUN 15%



Baki unit Bumiputera : 2 unit
Harga Minimum - Maksimum : RM797,300.00 - RM797,300.00
(Harga Selepas Diskaun 15%)
Keluasan Tanah Minimum - Maksimum : 2202kp - 2308kp
Keluasan Bangunan Minimum - Maksimum : 1392kp - 1392kp
No. Koordinat Google Map : 2.051287, 102.693687

* Urusan pembeli Lot Bumi perlu melalui portal : erumah.johor.gov.my
Telefon : 07-2666260 / 07-2666261